

UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN BARANG: LIABILITI PENGILANG TERHADAP BARANG CACAT

Zeti Zuryani Mohd Zakuan
Universiti Teknologi MARA
Sakina Shaik Ahmad Yusoff
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Liberalisasi perdagangan dalam era globalisasi menjurus ke arah kelainan dalam proses pengeluaran sesuatu barang. Kini, pengeluaran sesuatu barang bergantung pada penggabungan komponen-komponen kecil barang yang dihasilkan di negara-negara yang berbeza oleh pengilang-pengilang yang berbeza dan kemudiannya disepadukan dalam satu rangkaian pengeluaran yang dikawal oleh syarikat transnasional. Fenomena ini menimbulkan permasalahan dalam peletakan liabiliti jika berlakunya kecacatan terhadap barang yang dihasilkan oleh pengilang tersebut. Pra 1999 memperlihatkan pemakaian doktrin priviti kontrak dan kad waranti yang menjadi penghalang tuntutan pengguna terhadap barang cacat. Pengubalan Akta Perlindungan Pengguna 1999 telah membuka lembaran baharu dalam arena kepenggunaan apabila ia telah memperkenalkan hak tebus rugi pengguna terhadap pengilang di bawah Bahagian VII APP 1999. Hal ini bermakna, pasca 1999 memperlihatkan pengguna berhak untuk mendapatkan tebus rugi daripada pengilang jika barang yang dikilangkannya adalah cacat. Namun begitu, terdapat kepincangan dalam

peruntukan Bahagian VII kerana wujudnya pengecualian dari segi hak tebus rugi. Justeru ini menyebabkan pengilang masih mempunyai ruang untuk mengelak daripada bertanggungan jika pengguna mengalami kecederaan atau kemudaratian akibat penggunaan barang cacat. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, kertas kerja yang berdasarkan penyelidikan doktrinal ini akan mengenal pasti dan menganalisis liabiliti pengilang pra dan pasca Akta Pelindungan Pengguna 1999 dalam menyediakan hak tebus rugi pengguna terhadap pengilang di bawah undang-undang pembekalan barang.

Pengenalan

Zaman ini merupakan zaman liberalisasi perdagangan. Liberalisasi perdagangan mengakibatkan wujud perdagangan bebas antarabangsa yang kompleks dan mengelirukan pengguna di Malaysia. Pasaran Malaysia sekarang terbuka luas dan peniaga tempatan terpaksa bersaing dengan peniaga-peniaga multinasional dari seluruh dunia. Barang-barang dari serata dunia boleh diperoleh di pasaran tempatan ekoran amalan perdagangan bentuk baharu ini. Justeru, pembekal dari negara-negara maju mengambil kesempatan ke atas pengguna tempatan dengan melambangkan

